



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

LUANG PASARAN BAHARU PENGEKSPORTAN BUAH NANGKA SEGAR DAN MAKANAN AKUAKULTUR MALAYSIA KE CHINA

PUTRAJAYA, 20 APRIL 2023 – Kerajaan Malaysia telah memeterai Protokol Keperluan Pemeriksaan dan Kuarantin bagi Pengeksportan Nangka Segar serta Protokol Kuarantin dan Keperluan Kesihatan bagi Pengeksportan Makanan Akuakultur ke China pada 1 April 2023. Kedua-dua protokol ini berjaya dimeterai semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke China pada 29 Mac hingga 1 April 2023 dan ditandatangani oleh Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir mewakili Kerajaan Malaysia. Sementara itu, pihak *General Administration of Customs of The People's Republic of China (GACC)* diwakili oleh Menteri GACC, Mr. Yu Jianhua.

Melalui pemeteraian kedua-dua protokol ini, ruang pasaran eksport baharu telah dibuka ke negara China melibatkan pengeksportan buah nangka segar dan makanan akuakultur yang dihasilkan di Malaysia. Pada masa ini, nilai eksport nangka Malaysia pada tahun 2021 adalah sebanyak RM18.5 juta, di mana pasaran utama eksport ini adalah Singapura, Republik Czech, Jerman, Hong Kong dan Emiriah Arab Bersatu. Sehubungan itu, melalui pemeteraian protokol ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menasaskan nilai eksport baharu buah nangka ke China adalah sebanyak RM10 juta setahun.

Berhubung dengan industri makanan akuakultur pula, pada masa ini Malaysia hanya dibenarkan untuk mengeksport tepung ikan (*fish meal*) ke China. Pelaksanaan protokol ini berupaya membuka peluang pasaran baharu kepada kilang makanan akuakultur di Malaysia untuk mengeksport produk makanan akuakultur ke China selain daripada pasaran sedia ada iaitu tepung ikan. Melalui pembukaan ruang pasaran baharu ini, KPKM menasaskan eksport makanan akuakultur ke China adalah sebanyak RM42 juta setahun, selain eksport sedia ada ke Arab Saudi, Brunei, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam yang bernilai RM53 juta pada tahun 2021.

KPKM menjangkakan pelaksanaan kedua-dua protokol ini akan menggalakkan perkembangan industri tanaman buah nangka tempatan serta membuka pasaran baharu kepada kilang makanan akuakultur di Malaysia.

Pemain industri yang berminat untuk berdaftar sebagai pengeksport buah nangka ke China boleh menghubungi Jabatan Pertanian (DOA) dengan mengemukakan emel kepada pro@doa.gov.my, manakala bagi pendaftaran pengeksport makanan akuakultur ke China, boleh menghubungi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan mengemukakan emel kepada pro@dof.gov.my.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
20 APRIL 2023